

APA ITU NDA?

NDA adalah suatu dokumen perjanjian kerahsiaan yang menjaga kerahsiaan maklumat semasa perbincangan / mesyuarat dan melindungi pertukaran maklumat rahsia semasa perbincangan projek yang dicadangkan. Ia juga dapat melindungi daripada pihak-pihak terlibat daripada membuat pendedahan maklumat perbincangan / mesyuarat kepada pihak ketiga.

Pelaksanaan projek itu sendiri memerlukan perjanjian yang berasingan (seperti MoA penyelidikan) kerana NDA sahaja tidak cukup untuk mencakupi terma dan syarat kerja-kerja dalam penyelidikan.